

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak yang dilaporkan sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac 2020 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga dan penderaan kanak-kanak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mengambil tindakan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [*Akta 521*] dan Akta Kanak-Kanak 2001 [*Akta 611*].

Bilangan kes-kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat mulai 18 Mac 2020 sehingga Oktober 2020 ialah sebanyak **378** kes dan pecahan kes mengikut negeri adalah seperti berikut:

STATISTIK KEGANASAN RUMAH TANGGA YANG DILAPORKAN KEPADA JKM (18 MAC HINGGA OKTOBER 2020)

BIL.	NEGERI	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
1.	Selangor	9	129	138
2.	WP Kuala Lumpur	0	37	37
3.	Johor	2	32	34
4.	Kedah	5	27	32
5.	Pulau Pinang	0	27	27
6.	Pahang	2	25	27
7.	Negeri Sembilan	1	18	19
8.	Perak	0	18	18
9.	Sabah	1	16	17
10.	Kelantan	2	11	13
11.	Melaka	0	11	11
12.	Terengganu	0	3	3
13.	Sarawak	0	2	2
14.	WP Labuan	0	0	0
JUMLAH		22	356	378

Berdasarkan statistik JKM, kes penderaan kanak-kanak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak **1,388** kes. Kes penderaan telah menunjukkan peningkatan daripada bulan Mac ke Jun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 20%. Penderaan seksual menunjukkan peningkatan sebanyak 41% daripada bulan Mac 2020 sehingga sekarang.

**STATISTIK KES PENDERAAN KANAK-KANAK SEPANJANG
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

BIL.	JENIS PENDERAAN	BULAN				JUMLAH
		MAC	APRIL	MEI	JUN	
1.	Fizikal	96	59	98	116	369
2.	Seksual	123	88	116	174	501
3.	Emosi	13	16	7	10	46
4.	Pengabaian	133	66	111	162	472
JUMLAH		365	229	332	462	1,388

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

SOALAN

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan senarai jumlah ketua isi rumah yang telah diberikan bantuan bakul makanan sejak bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut Parlimen dan DUN di Negeri Sembilan, dan apakah skim bantuan bakul makanan ini akan diteruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penularan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia telah menyebabkan Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020 sehingga Disember 2020. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) merupakan salah satu kementerian di bawah kategori *frontliners* yang bertanggungjawab membantu rakyat yang terkesan akibat daripada pelaksanaan PKP tersebut. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan bantuan bakul makanan kepada masyarakat yang terkesan akibat COVID-19 ini.

Secara keseluruhannya, penerima bantuan Bakul Makanan di seluruh negara adalah seramai 820,723 Ketua Isi Rumah (KIR) dan memberi manfaat kepada 3.2 juta Ahli Isi Rumah (AIR).

Untuk makluman Yang Berhormat, penerima bantuan Bakul Makanan bagi Parlimen dan DUN di Negeri Sembilan secara keseluruhan adalah seramai **12,500** Ketua Isi Rumah (KIR). Pecahan agihan bakul makanan mengikut pecahan kawasan Parlimen dan DUN seperti di bawah:

**SENARAI JUMLAH KIR DI NEGERI SEMBILAN YANG MENERIMA
BAKUL MAKANAN SEPANJANG PKP MENGIKUT PECAHAN
PARLIMEN DAN DUN**

BIL.	PARLIMEN	JUMLAH	DUN	JUMLAH
1.	Tampin	1,150	DUN Repah	429
			DUN Gemencheh	361
			DUN Gemas	360
2.	Jempol	1,300	DUN Palong	257
			DUN Serting	316
			DUN Bahau	328
			DUN Jeram Padang	236
			DUN Sg Lui	163

SOALAN NO. : 91

BIL.	PARLIMEN	JUMLAH	DUN	JUMLAH
3.	Jelebu	1,150	DUN Klawang	413
			DUN Pertang	367
			DUN Chennah	370
4.	Kuala Pilah	1,500	DUN Pilah	324
			DUN Seri Menanti	321
			DUN Juasseh	315
			DUN Johol	260
			DUN Senaling	280
5.	Rembau	1,300	DUN Chembong	650
			DUN Kota	650
6.	Seremban	4,100	DUN Lenggeng	233
			DUN Nilai	428
			DUN Lobak	223
			DUN Temiang	199
			DUN Sikamat	375
			DUN Ampangan	321
			DUN Labu	284
			DUN Bukit Kepayang	405
			DUN Rahang	266
			DUN Mambau	255
			DUN Senawang	259
			DUN Paroi	501
			DUN Rantau	351
7.	Port Dickson	2,000	DUN Bagan Pinang	395
			DUN Chuah	309
			DUN Linggi	588
			DUN Lukut	371
			DUN Sri Tanjung	337
JUMLAH KESELURUHAN		12,500		12,500

Bantuan bakul makanan ini akan diteruskan mengikut keperluan dan keadaan semasa sepanjang tempoh PKP dilaksanakan sehingga kerajaan mengumumkan tempoh PKP ini ditamatkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

SOALAN

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah fiskal dan kewangan dalam reformasi struktur ekonomi yang menekankan kepada peranan wanita yang dipadankan dengan nilai potensi produktiviti dan pulangan ekonomi khususnya ibu tunggal dan juga warga emas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Reformasi struktur ekonomi melalui langkah fiskal dan kewangan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia. Namun apabila dikaitkan dengan suatu dasar yang memberi penekanan kepada wanita, secara fiskal, ia telah diamalkan oleh Kerajaan melalui penyediaan belanjawan analisis gender (*gender budgeting*) sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Malaysia mengenai Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan saban tahun. Pendekatan ini memberi perhatian kepada analisis berasaskan bukti dalam membangunkan sesebuah perancangan perbelanjaan, di mana ia lebih peka kepada keperluan khusus untuk kumpulan sasaran yang memerlukan sokongan, termasuklah wanita dan warga emas. Di peringkat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pula, usaha berterusan untuk memastikan perancangan belanjawan yang inklusif dilaksanakan saban tahun melalui Sesi Konsultasi Dasar Bajet melibatkan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan semua kumpulan sasaran di bawah Kementerian ini.

Di bawah KPWKM, langkah fiskal dan kewangan untuk kumpulan sasaran wanita yang dapat menyumbang kepada peningkatan aktiviti ekonomi termasuklah peruntukan bagi program pemerksaan yang banyak dilaksanakan secara kolaborasi dengan pelbagai Agensi Kerajaan yang lain dan juga NGO, sebagai contoh, dalam bidang keusahawanan. Pada tahun 2020, KPWKM diperuntukkan sejumlah RM1.5 juta di bawah Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan (PBKP) untuk diagihkan kepada NGO bagi membantu kumpulan sasaran di bawah KPWKM, termasuk wanita. Pada Julai 2020, tambahan RM5.0 juta telah diberikan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi PENJANA. Daripada jumlah ini, 138 NGO berkaitan pemerksaan wanita telah menerima sebanyak RM2.33 juta sehingga 7 Oktober 2020.

Mengambil kira kesan ke atas ekonomi individu termasuklah wanita, akibat wabak COVID-19, KPWKM turut dipertanggungjawabkan dalam mengendalikan Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT) yang melibatkan

SOALAN NO. : 342

150,000 penerima dengan peruntukan sebanyak RM45 juta. Selain itu, bagi menyokong usaha untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita dalam pasaran kerja, KPWKM telah diperuntukkan sejumlah RM35 juta bagi Bantuan Khas TASKA di bawah PENJANA. Usaha merancakkan kembali industri penjagaan kanak-kanak ini amat signifikan untuk memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai wanita keluar bekerja, sekaligus membantu meningkatkan pendapatan keluarga. Bagi membantu golongan kurang berkemampuan pula, subsidi yuran pengasuhan turut diberikan di mana sebanyak RM3.27 juta telah pun dibelanjakan yang melibatkan 1,519 penjagaan kanak-kanak.

Selaras dengan usaha merancakkan kembali industri penjagaan kanak-kanak, insentif khusus bagi Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata (KAP) juga disediakan bagi meningkatkan jumlah pengasuh berdaftar dan memberikan kemahiran kepada golongan yang mahu menceburi bidang ini. Sebanyak RM9 juta telah diperuntukkan untuk-program ini dan dijangka akan diteruskan lagi untuk manfaat yang dapat dinikmati oleh bukan sahaja wanita, tetapi kanak-kanak dan seluruh institusi keluarga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian sedar penerima bantuan am kategori di bawah umur 60 tahun, bukan beragama Islam, tidak berkahwin dan tidak mempunyai tanggungan cuma menerima RM100 sebulan dan sebahagian daripada mereka hidup sebatang kara tanpa rumah sendiri, cuma bergantung dengan bantuan RM100 sahaja. Bolehkah Kementerian mengubah dasar dengan memberikan mereka kategori khas yang boleh menerima bantuan bulanan lebih tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Am Persekutuan bertujuan untuk membantu individu/keluarga yang kurang berkemampuan dan berkeperluan untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam komuniti yang bagi pemohon yang tinggal di Kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Syarat-syarat kelayakan Bantuan Am ialah :

- i. Warganegara dan bermastautin di Wilayah Persekutuan;
- ii. Pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Isi Rumah semasa atau PGK Purata Miskin Per Kapita semasa; dan
- iii. Golongan yang memerlukan dan keluarga miskin yang tidak diliputi di bawah mana-mana skim bantuan bulanan JKM lain.

Kadar bantuan adalah sebanyak RM100 sebulan seorang dan maksimum sebanyak RM350 sekeluarga. Penentuan kadar bantuan adalah berdasarkan bilangan isi rumah dan keperluan seseorang pemohon.

Bantuan ini merupakan skim bantuan alternatif bagi mereka yang memerlukan bantuan tetapi tidak menepati syarat yang ditetapkan di bawah skim bantuan persekutuan yang lain.

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seramai 972 penerima bantuan yang menerima Bantuan Am Persekutuan dengan peruntukan sebanyak RM2,575,202.00. Daripada jumlah tersebut seramai 274 penerima adalah di WP Labuan dan seramai 79 orang penerima Bantuan Am tersebut yang menerima kadar bantuan RM100 sebulan manakala selebihnya menerima lebih daripada RM100. Pecahan penerima Bantuan Am Persekutuan mengikut kadar bantuan di WP Labuan adalah seperti berikut:

**Statistik Penerima Bantuan Am Mengikut Kadar Bantuan Wilayah
Persekutuan Labuan**

KADAR (RM)	BIL. KES
100	79
200	127
300	37
350	31
JUMLAH KESELURUHAN	274

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengemukakan cadangan untuk menaikkan kadar Bantuan Am Persekutuan daripada kadar sedia ada minimum RM100 dan maksimum RM350 kepada minimum RM150 dan maksimum RM1,000 mengikut keperluan isi rumah dan keluarga dalam Dasar Belanjawan Kementerian bagi tahun 2021 kepada Kementerian Kewangan. Walau bagaimanapun Kementerian Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2021 hanya mengumumkan kenaikan kadar bantuan bagi Bantuan Kanak-Kanak, Elaun Pekerja Cacat, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja, Bantuan Orang Tua dan Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik/OKU Terlantar sahaja tidak termasuk Bantuan Am. KPWKM akan mengemukakan semula cadangan kenaikan kadar Bantuan Am ini semasa permohonan Belanjawan bagi tahun 2022 nanti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian sedar di Labuan tidak mempunyai rumah transit dan ini membuatkan golongan-golongan yang berhadapan dengan isu warga emas disisih keluarga dan warga emas yang hidup sebatang kara sementara menunggu kelulusan untuk ditempatkan di rumah Orang Tua di Sabah. Apakah tindakan Kementerian dalam hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat komited dan akan terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan warga emas bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut khususnya dalam aspek penjagaan jangka panjang (*long-term care*) warga emas yang tidak mempunyai keluarga/penjaga, miskin dan sangat berkeperluan.

Perkhidmatan penjagaan institusi kepada warga emas yang dikendalikan oleh Kerajaan terbahagi kepada dua (2) iaitu institusi warga emas yang diurus oleh Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan institusi warga emas yang di bawah kendalian Kerajaan Negeri. Bagi institusi warga emas di Sabah, ia dikendalikan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

KPWKM melalui JKM menyediakan institusi warga emas iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE) untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Sehingga Oktober 2020, seramai 1,372 warga emas tinggal di RSK.

RE disediakan untuk warga emas yang sakit, uzur dan terlantar (*bedridden*) bagi memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan dalam suasana yang selesa dan tenteram. Sehingga Oktober 2020, seramai 219 warga emas tinggal di RE.

Bagi membantu urusan kes warga emas yang terdampar dan tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan, kes boleh ditempatkan secara sementara (satu bulan) di Desa Bina Diri Kota Kinabalu di bawah Seksyen 3(2) Akta Orang Papa 1977 [*Akta 183*].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini Rang Undang-Undang Gangguan Seksual dan apakah tindakan bagi memastikan kes gangguan seksual terhadap wanita dan kanak-kanak ditangani secara berkesan sebelum RUU tersebut dibentangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Draf Rang Undang-undang Gangguan Seksual (RUU GS) telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak melalui penubuhan pasukan projek khas yang terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan. Pada ketika ini, Kementerian sedang membuat tindakan penyelarasan dan sesi libat urus dengan Kementerian dan agensi lain yang akan terkesan daripada penggubalan RUU ini. Tindakan ini amat penting untuk memastikan pelaksanaan undang-undang yang efektif, termasuklah berupaya mengisi kelompangan undang-undang, peraturan dan pekeliling sedia ada.

Tidak dapat dinafikan jadual penggubalan RUU ini sedikit terjejas berikutan dengan pandemik COVID-19 yang telah mengehadkan pelaksanaan libat urus draf RUU berkenaan dan oleh yang demikian, sasaran pembentangan RUU telah dibuat sedikit pengubahsuaian untuk ia dapat dibentangkan pada tahun 2021.

Sementara menunggu RUU ini dibentangkan, kes-kes gangguan seksual ditangani melalui pelbagai Akta dan peraturan lain seperti:

- i. Kanun Keseksaan [Akta 574];
- ii. Akta Kerja 1995 [Akta 265];
- iii. Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993];
- iv. Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja 1999; dan
- v. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

Bagi kes dalam **sektor swasta**, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) menguatkuasakan Akta Kerja 1955 (Akta 265) dengan mensyaratkan

SOALAN NO. : 478

majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual di tempat kerja yang dilaporkan oleh pekerja.

Bagi kes dalam **sektor awam**, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang membangunkan Modul Intervensi Gangguan Seksual di Tempat Kerja untuk kegunaan Pegawai Psikologi atau Kaunselor Organisasi dalam mengendalikan kes gangguan seksual di tempat kerja.

Bagi kes gangguan seksual terhadap **kanak-kanak** pula, ia ditangani secara khusus melalui Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*].

KPWKM berharap keadaan pandemik COVID-19 akan semakin terkawal dan konsultasi dengan pemegang taruh dapat dilaksanakan dengan segera sebelum RUU ini dapat dibentangkan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perkembangan terkini Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (Pelan) yang telah dilancarkan pada 16 Januari 2020 serta siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan pelan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan meneruskan usaha melalui pelaksanaan program dan tindakan di bawah Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur (Pelan) bagi tahun 2020 sehingga 2025. Satu Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu telah bersidang pada 24 Ogos 2020 yang lepas bertujuan memantau perkembangan program dan tindakan bagi setiap strategi di bawah Pelan.

Menerusi pemantauan Jawatankuasa Pemandu terhadap pelaksanaan 58 program dan tindakan yang telah dirancang, terdapat 35 program telah bermula, manakala 23 program lagi belum bermula. Pelaksanaan program dan tindakan yang telah bermula dibuat sama ada melalui program baharu, program sedia ada ataupun menambah baik kepada program sedia ada. Antara program dan tindakan yang telah bermula adalah:

- i. latihan kemahiran dan program keusahawanan sedia ada di bawah Jabatan Pembangunan Wanita;
- ii. pendidikan *Sexual Reproductive Health* (SRH) kepada pelajar melalui program-program di sekolah di bawah anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN); dan
- iii. pendidikan TVET dan program kemahiran kepada kanak-kanak yang tercicir daripada pendidikan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Kementerian kini juga sedang dalam tindakan membangunkan pelan komunikasi di samping merangka program advokasi secara menyeluruh sepanjang tempoh lima (5) tahun pelaksanaan Pelan. Kementerian akan terus komited untuk mengadakan sesi libat urus secara berterusan khususnya bersama semua pihak yang berkepentingan yang sehingga kini masih mengamalkan perkahwinan bawah umur.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada penubuhan Jawatankuasa Pemandu di peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Agensi peneraju hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi setiap strategi dan mengemukakan maklum balas status pelaksanaan secara berkala kepada urus setia dan sebarang isu-isu pelaksanaan akan dibincangkan terdahulu di platform *pre-council* sebelum mesyuarat Jawatankuasa Pemandu diadakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan keluarga mudah terjejas untuk mendapat sokongan yang secukupnya dari segi pembelajaran atas talian serta akses pada penjagaan anak-anak untuk mereka terus bekerja demi keluarga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa mengambil berat tentang kesejahteraan kanak-kanak terutama dalam tempoh penularan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan ini.

Semua pihak sedia maklum bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) secara bersasar yang telah diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) hendaklah dipatuhi oleh semua pihak termasuklah arahan penutupan TASKA. Ekoran dari itu, kanak-kanak tidak lagi menerima aktiviti perkembangan secara *hands on* kerana mereka tidak dapat hadir ke TASKA.

Kementerian ini sentiasa menggalakkan agar ibu bapa dapat bekerjasama dengan pihak TASKA untuk melakukan aktiviti-aktiviti sihat bersama anak-anak di rumah. Begitu juga para pengusaha dan pengasuh TASKA, perlu mempunyai inisiatif yang kreatif untuk melaksanakan aktiviti bersama anak-anak asuhan TASKA mereka melalui pelbagai aplikasi seperti *Google Classroom, Zoom Meeting, WhatsApp* dan lain-lain agar anak-anak ini terus mendapat pengisian masa yang berkualiti.

Bagi memastikan ibu bapa dapat akses kepada perkhidmatan pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak untuk mereka dapat terus bekerja demi keluarga, ibu bapa mempunyai pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan pengasuhan di rumah. Walau bagaimanapun, kementerian ini menyeru agar ibu bapa yang ingin menghantar anak ke rumah pengasuh bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengenal pasti dan membuat kajian terhadap latar belakang pengasuh yang akan menjaga anak mereka dengan membuat semakan di sistem ezi2Care untuk memastikan kelayakan pengasuh berdaftar.

Selain itu, ibu bapa disarankan untuk membuat semakan latar belakang pengasuh menggunakan senarai semak Panduan Pemilihan Pengasuh di Rumah yang disediakan oleh Kementerian ini di laman sesawang JKM.

SOALAN NO. : 480

Ibu bapa juga boleh mengambil langkah-langkah berikut bagi menjamin keselamatan anak-anak mereka semasa dalam jagaan pengasuh:

- i. sentiasa mengadakan lawatan mengejut ke rumah pengasuh, terutama pada mula anak dihantar ke rumah pengasuh;
- ii. ibu bapa berjaga-jaga dengan perubahan reaksi anak semasa dihantar ke rumah pengasuh;
- iii. memeriksa seluruh badan anak setiap hari untuk mengelakkan penderaan fizikal;
- iv. mempunyai hubungan yang baik dengan pengasuh sama ada pengasuh di rumah atau di TASKA dan sering bertanya kepada pengasuh tentang kanak-kanak; dan
- v. memastikan pengasuh menyimpan nombor kecemasan untuk dihubungi serta menghubungi ibu bapa dengan segera sekiranya berlaku apa-apa kemalangan ke atas kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membantu golongan wanita terutamanya ibu tunggal yang berniaga secara kecil-kecilan pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) tidak menyediakan dana secara langsung dalam membantu ibu tunggal yang berniaga. Namun begitu, JPW ada menganjurkan program dan kursus bagi meningkatkan kemahiran wanita dan penyertaan adalah terbuka kepada semua wanita serta tidak terhad kepada ibu tunggal sahaja.

Sebagai usaha berterusan membantu dan menyantuni golongan wanita dari pelbagai latar belakang dan sosiobudaya, JPW menggunakan pendekatan Model Pemerkasaan Wanita 4K iaitu Keseimbangan, Kesaksamaan dan Kepimpinan Kendiri, Kewangan dan Kemahiran ke arah mencapai kesejahteraan wanita.

- i) Keseimbangan bermaksud kestabilan emosi, kesihatan mental, kerohanian dan keperibadian positif. Contohnya pada tahun 2020, JPW telah melaksanakan program Klinik De Stress yang telah berjaya menarik seramai 50,244 penyertaan melalui 61 program yang telah dilaksanakan di peringkat negeri. Selain itu, program Wanita Anti Jenayah (WAJA) juga turut dianjurkan yang bertujuan untuk membentuk keperibadian wanita agar sentiasa kental dari aspek mental dan fizikal serta meningkatkan kesedaran dalam menangani keganasan terhadap wanita. Sebanyak 60 siri program WAJA telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 63,300 orang;
- ii) Kesaksamaan dan Kepimpinan Kendiri iaitu keupayaan untuk mendapat manfaat yang adil dari aspek keperluan berbanding kesamarataan yang tidak bersifat substantif. JPW telah melaksanakan program seperti Klinik Undang-Undang bagi memastikan wanita celik undang-undang serta mengetahui hak mereka. Program Klinik Undang-Undang telah menarik seramai 37,857 peserta melalui 48 program yang diadakan di peringkat

SOALAN NO. : 481

negeri. Selain itu, aspek kepimpinan sendiri turut diberi penekanan oleh Jabatan ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah program rintis wanita dan kepimpinan. Program ini turut melatih wanita dari pelbagai latar belakang sosiobudaya agar lebih berani dan berketerampilan dalam mendepani cabaran semasa. Mereka turut dilatih untuk berfikiran kritis dan inovatif dalam usaha untuk melahirkan pemimpin yang rasional tanpa dipengaruhi oleh emosi;

- iii) Kewangan adalah perantara yang menyumbang kepada kesejahteraan sosial. Dalam aspek ini, golongan wanita didedahkan dengan ilmu berkaitan pengurusan kewangan melalui kursus literasi kewangan yang dianjurkan oleh Jabatan ini; dan
- iv) Kemahiran asas yang boleh digunakan sebagai aset nilai dan keupayaan membangunkan sosioekonomi diri. Di bawah elemen kemahiran ini, Program dan Aktiviti Cakna Bangun Ekonomi (PACBE) telah dirangka dan diguna pakai dalam melatih golongan wanita dengan kemahiran asas supaya wanita mampu berdaya saing dalam menjana pendapatan sendiri. Melalui PACBE, sebanyak 453 program telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 179,565 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARATKETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

SOALAN

Datuk Zakaria Bin Mohd Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bantuan yang dihulurkan kepada rakyat Sabah khususnya di kawasan pendalaman akibat penularan gelombang ketiga COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dengan golongan sasaran yang telah terkesan akibat wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh negara baru-baru ini.

Secara keseluruhannya peruntukan sebanyak RM47.42 juta telah diberikan kepada KPWKM untuk membuat agihan bakul makanan kepada masyarakat yang terkesan dengan pelaksanaan PKP ini. Sehingga kini Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah membuat agihan bakul makanan kepada seramai 820,723 Ketua Isi Rumah (KIR) dan memberi manfaat kepada 3.2 juta Ahli Isi Rumah (AIR) di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPWKM melalui JKM telah menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada kumpulan sasaran yang terkesan dengan pelaksanaan PKP di Sabah termasuk bantuan bakul makanan di mana sebanyak 79,133 bakul makanan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM7,913,300.00 dan mampu memberi manfaat kepada 316,532 AIR telah disalurkan dan diagihkan kepada penduduk yang terkesan dengan pelaksanaan PKP akibat daripada pandemik COVID-19 ini.

Selain daripada bantuan bakul makanan secara sekaligus (*one off*), JKM juga menyediakan bantuan kebajikan bulanan seperti Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Orang Tua (BOT), Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB), Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik dan OKU Terlantar (BPT), Bantuan sekaligus (*one off*) di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) bagi OKU dan Bantuan Khas Ibu Tunggal. Secara keseluruhan bantuan yang telah disalurkan oleh JKM sepanjang tempoh PKP kepada negeri Sabah adalah sebanyak RM137.1 juta dan memberi manfaat kepada seramai 130,403 orang penerima.

SOALAN NO : 537

Maklumat terperinci berkaitan bantuan yang telah disediakan oleh JKM kepada penduduk negeri Sabah yang terjejas daripada pelaksanaan PKP akibat daripada penularan pandemik COVID-19 seperti di **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

Sekian, terima kasih.

Jadual 1: Pecahan Jenis Bantuan Bulanan JKM dan Perbelanjaan Mengikut Bahagian di Sabah

BIL	DAERAH	JENIS BANTUAN BULANAN										JUMLAH KESELURUHAN	
		BKK		BOT		EPC		BTB		BPT		BIL. KES	RM
		BIL. KES	RM	BIL. KES	RM	BIL. KES	RM	BIL. KES	RM	BIL. KES	RM		
1	Kota Kinabalu	952	2,405,100	7,435	21,752,063	511	1,748,775	399	910,388	885	2,573,325	10,182	29,389,650
2	Kudat	823	1,975,350	4,967	14,212,275	76	255,150	140	281,663	250	709,425	6,256	17,433,863
3	Beaufort	788	1,803,338	3,429	8,817,863	105	378,825	180	4,249,163	248	765,638	4,750	16,014,825
4	Keningau	1,418	3,408,563	5,882	16,962,488	130	432,300	172	366,825	296	818,325	7,898	21,988,500
5	Sandakan	1,690	4,642,350	3,974	11,571,263	295	1,039,275	300	682,575	315	900,600	6,574	18,836,063
6	Tawau	1,472	3,641,250	5,122	14,716,275	301	1,042,650	906	2,000,250	730	2,021,325	8,531	23,421,750
Jumlah Keseluruhan		7,143	17,875,951	30,809	88,032,227	1,418	4,896,975	2,097	8,490,864	2,724	7,788,638	44,191	127,084,651

Jadual 2: Pecahan Jenis Bantuan dan Perbelanjaan Mengikut Bahagian di Sabah

BIL	DAERAH	BAKUL MAKANAN	PENJANA			
			OKU		IBU TUNGGAL	
			BIL. KES	RM	BIL. KES	RM
1	Kota Kinabalu	20,291	1,608	482,400	232	69,600
2	Kudat	8,233	399	119,700	139	41,700
3	Beaufort	7,433	505	151,500	230	69,000
4	Keningau	8,333	528	158,400	424	127,200
5	Sandakan	14,933	822	246,600	212	63,600
6	Tawau	19,910	1,739	521,700	241	72,300
Jumlah Keseluruhan		79,133	5,601	1,680,300	1,478	443,400